

BAB 7

Peranan Kaunselor terhadap Peningkatan Kesediaan Kerjaya dan Efikasi Kendiri Pelajar Universiti

Nik Rafidah Nik Yusoff

7.1 PENGENALAN

Bab terakhir ini menerangkan peranan kaunselor di universiti, khususnya dalam meningkatkan Efikasi Kendiri Kerjaya (EKK) pelajar universiti dan secara tidak langsung membantu ke arah kesediaan kerjaya. Kesediaan kerjaya amat penting bagi memastikan mereka dapat mempersiapkan diri sebelum menceburi sesuatu bidang pekerjaan.

Universiti perlu memainkan peranan yang penting bagi melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan pasaran kerja bagi kesediaan kerjaya (Mohd Izwan Mahmud et al., 2016). Kesediaan kerjaya ini juga adalah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019), iaitu:

“Usaha ini adalah bertujuan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

7.2 PERANAN KAUNSELOR DI UNIVERSITI

Setiap universiti mempunyai kaunselor yang berperanan untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya kepada pelajar universiti. Kaunselor berperanan sebagai individu yang membantu pelajar yang sedang menghadapi pelbagai isu peribadi seperti akademik, keluarga, kewangan, kerjaya dan lain-lain isu bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Salah satu isu yang dihadapi oleh pelajar universiti ialah isu kaunseling kerjaya. Terdapat pelbagai perkhidmatan dan khidmat sokongan yang disediakan oleh kaunselor kerjaya kepada pelajar universiti. Antaranya ialah membantu kesediaan kerjaya pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian di universiti. Justeru, pelajar universiti harus mengambil peluang ini untuk berjumpa dengan kaunselor bagi membincangkan kesediaan kerjaya mereka sebelum menamatkan pengajian kelak.

7.3 EFIKASI KENDIRI KERJAYA

Salah satu aspek yang perlu diambil perhatian oleh pelajar universiti ialah efikasi sendiri kerjaya. Efikasi sendiri kerjaya merupakan salah satu aspek bagi efikasi sendiri. Efikasi sendiri merujuk keyakinan seseorang individu terhadap diri sendiri dari segi kebolehan untuk melakukan sesuatu kerja, membuat pilihan aktiviti, usaha berterusan atau sebaliknya apabila menghadapi sesuatu masalah (Bandura, 1997; Pittenger & Heimann, 2000).

Menurut Betz dan Hackett (2006), individu yang memiliki efikasi sendiri juga mempunyai jangkaan kognitif atau pertimbangan terhadap kebolehan masa depan. Kesimpulannya, efikasi sendiri ialah keyakinan dan kepercayaan individu terhadap dirinya sendiri untuk melaksanakan sesuatu tugas atau

tanggungjawab dan seterusnya boleh mempengaruhi tindakannya dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Efikasi sendiri kerjaya pula adalah merujuk keupayaan individu bagi membuat pertimbangan, mengatur dan melaksanakan tindakan yang dikehendaki untuk mencapai sesuatu matlamat kerjaya yang diinginkan (Mohd Jelas et al., 2013). Di samping itu, efikasi sendiri kerjaya juga berkaitan rapat dengan persepsi individu terhadap kebolehan diri (Chiesa et al., 2016). Justeru, efikasi sendiri kerjaya adalah salah satu daripada jenis efikasi sendiri yang menjurus kepada keyakinan, keupayaan seseorang individu untuk membuat pertimbangan berkaitan kerjaya (Fassinger, 2005; Leong & Brown, 1995).

Efikasi sendiri kerjaya mempunyai lima subskala utama, iaitu mengenali diri sendiri, maklumat pekerjaan, pemilihan matlamat, membuat perancangan dan penyelesaian masalah (Betz et al., 2005) sepertimana berikut:

- (1) Mengenali diri sendiri (*Self-appraisal*).
- (2) Ditakrifkan sebagai menilai kekuatan dan kelemahan berkaitan dengan kerjaya (Kraus, 1999).
- (3) Maklumat pekerjaan (*Occupational information*).
- (4) Ditakrifkan sebagai mengetahui tentang kerjaya yang diminati (Kraus, 1999).
- (5) Pemilihan matlamat (*Goal selection*).
- (6) Ditakrifkan sebagai mengetahui bagaimana untuk memadankan diri dengan kerjaya yang sesuai (Kraus, 1999).
- (7) Perancangan (*Planning*).
- (8) Ditakrifkan sebagai merancang bagaimana untuk mendapatkan pekerjaan yang dipilih (Kraus, 1999).
- (9) Penyelesaian Masalah (*Problem solving*).